

MELANGKAH penuh keyakinan ke tempat kerja berbaju kemeja dengan rona warna menarik.



PENGGUNAAN kain kapas menyebabkan si pemakainya berasa selesa.



WARNA merah jambu lembut juga serasi dengan si jejaka.



SATU rekaan BIEM yang bukan sahaja kelihatan elegan tetapi kemas.

FESYEN

# Bergaya selesa dengan BIEM

Oleh SITI HAJJAR ABDULLAH

TAMPIL anggun dan menyerlah dengan koleksi terkini daripada fesyen jenama BIEM yang diilhamkan daripada gaya hidup serba pantas.

Kesibukan wanita mahupun lelaki yang menjalani gaya hidup berkerjaya tidak dapat dinafikan, mereka sudah tentu inginkan kelainan dalam fesyen supaya tampil kelihatan elegan dan bergaya.

Oleh sebab itu, jenama mewah ini mengetengahkan inovasi rekaan yang lebih kontemporari, formal dan kasual bertemakan *City Life*.

Menurut pengurus BIEM Malaysia, Niki Leng Sow Wai, BIEM adalah satu jenama yang sinonim dengan lelaki dan wanita muda yang suka bergaya dan menggemari fesyen.

"Koleksi pakaian ini lebih sesuai dengan generasi muda yang berkerjaya dan dengan penggayaan jenama ini si pemakai kelihatan lebih moden dan bergaya.

"BIEM diilhamkan dengan suasana kehidupan di bandar raya dengan pakaian yang bergaya dan berstruktur serta menggambarkan imej yang profesional.

"Setiap rekaan pakaian ini ia sentiasa menampilkan keunikan dan juga menerapkan suasana kehidupan yang romantik di bandar raya," katanya.

Menurutnya, fabrik yang diperbuat daripada campuran kapas membuatkan si pemakai berasa lebih yakin untuk menggayakan dengan selesa.

BIEM telah diwujudkan pada tahun 2006 untuk generasi muda yang baru memulakan langkah di alam pekerjaan.

Seiring dengan peredaran arus fesyen sekarang, label tersebut baru-baru ini tampil dengan himpunan koleksi sempena musim bunga/panas 2012 dengan gaya lebih menarik dan elegan.

Koleksi ini menampilkan rekaan pakaian seperti jaket dan seluar distrukturkan dengan potongan yang unik serta warna-warna yang menarik seperti hitam, putih dan biru.

Selain itu, koleksi terbaru BIEM turut menampilkan *tops* dan *blaus* dengan rekaan kerutan pada pakaian dan pengunaan warna-warna lembut seperti ungu dan merah jambu membuatkan si pemakai kelihatan lebih menyerlah.

Rekaan dan gabungan rona-rona warna yang menarik membuatkan si pemakai kelihatan lebih serius dan berani dengan sentuhan yang unik melalui perincian fabrik dan hiasan.

Pemakaian blazer bersama potongan seluar berbentuk lurus rata di depan dipadankan dengan versi jaket gaya *ves preppy* yang menarik menambahkan lagi daya penaik si pemakai.

Di samping itu, lelaki lebih menonjol dan segak dengan perincian kedut pada baju serta gaya baju sejuk kapas tanpa zip sama ada berlengan atau tidak.

Tidak ketinggalan, BIEM juga memahami gaya wanita bekerjaya pada masa kini yang menginginkan rekaan yang cantik dan menarik. Terdapat pelbagai pilihan yang ditawarkan termasuklah baju, seluar, blazer dan skirt.

Dengan penampilan blazer yang menarik bersama pakaian yang cantik membuatkan si pemakai mudah untuk bergerak.

Ia juga sesuai untuk digayakan pada majlis makan malam dengan perasaan penuh keyakinan.

Himpunan pakaian ini bukan sahaja tertumpu untuk ke pejabat, majlis makan malam tetapi juga sesuai untuk tampil bergaya ringkas dengan skirt pada hari kasual yang mana memperlihatkan wanita sentiasa mementingkan penampilan dan gaya.





KEMEJA, blaus dan skirt untuk anak muda yang mementingkan kekemasan ke tempat kerja.







UTUSAN MEDIA SALES SDN. BHD.
11A, The Right Angle,
Jalan 14/22,
46100 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-7956 3355

Anda pasti tidak akan menghadapi sebarang masalah untuk berhubung dengan kakitangan kami.

Mereka ditempatkan di seluruh Semenanjung Malaysia.

Untuk keterangan lanjut dan tempahan iklan, sila hubungi mereka yang berdekatan dengan anda.

PETALING JAYA
Hamidah / Adlina
Tel: 03-79563355
Faks: 03-79574850

PULAU PINANG
Azwan / Sharina
Tel: 04-2504923
Faks: 04-2504919

KUANTAN
Zuli / Farah
Tel: 09-5158678
Faks: 09-5158634

IPOH
Hafizul / Atie
Tel: 05-2534741
Faks: 05-2534746

KELANTAN
Abd Rahsli / Hayati
Tel: 09-7445421
Faks: 09-7475448

KUALA LUMPUR
Wan Suliza
Tel: 03-92217055
Faks: 03-92227876

PRAI
Syamsoul / Norzaina
Tel: 04-3804215
Faks: 04-3804216

MELAKA
Azudin / Sofi
Tel: 06-2838271
Faks: 06-2838275

JOHOR BAHRU
Razif / Zaki / Zila
Tel: 07-3329140
Faks: 07-3328905

K. TERENGGANU
Rozudin
Tel: 09-6309510
Faks: 09-6309514

NEGERI SEMBILAN
Azudin / Muji
Tel: 06-7672271
Faks: 06-7677271

ALOR STAR
Fadli / Yusli
Tel: 04-7312845
Faks: 04-7318576



"PROMOSI PRA-PEMBUKAAN"
(30/6/2012 - 15/7/2012)

let life inspire you
iKOI park

Profesional Kemudahan Koi & Landskap
KINI DI SHAH ALAM, SEKSYEN 27

BAKA KOI TERBAIK DARI JEPUN
Untuk maklumat lanjut sila hibungi :
Mr.Don 019 277 7750
En.Hadi 019 669 7521
www.ikoipark.com

. perunding kesihatan ikan koi . landskap & air terjun buatan .
. ikan koi Jepun bersama sijil pengesahan . kemasan kayu & batu luar .
. makanan ikan koi & kelengkapan kolam . kemudahan nurseri ikan koi .




iKOI PARK SDN BHD (626418-A)
Lot 298, Jalan Kota Raja A 27/A, Taman Alam Megah, Seksyen 27,
40400 Shah Alam, Selangor DE, Malaysia.
www.ikoiauction.com enquiry@ikoipark.com
Waktu Perniagaan: 9am - 10pm (Dibuka Setiap Hari)